

1223/1
Pendidikan Islam
Kertas 1
Okt/Nov
2023
2 $\frac{1}{2}$ jam



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA
SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2023**

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

Dua Jam Tiga Puluh Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi lima soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Semua jawapan hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 5 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Jawab semua soalan.

1 (a) Firman Allah SWT :

قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ
الْمُكْذِبِينَ ﴿١٣٧﴾ هَذَا بَيَانٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾ وَلَا تَهِنُوا وَلَا
تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

(Surah Ali Imran : 137-139)

Ayat di atas menerangkan tentang konsep sunnatullah.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan maksud sunnatullah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan kepentingan mengkaji sejarah umat terdahulu. [2 markah]
- (iii) Terangkan dua pengajaran daripada ayat di atas. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ :
لَأَنْ يَخْتَطِبَ أَحَدُكُمْ حُرْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ.
(متفق عليه)

Hadis di atas menerangkan kelebihan berdikari dalam Islam.

Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Nyatakan maksud berdikari. [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua hikmah mengamalkan sikap berdikari terhadap masyarakat. [4 markah]

BERDIKARI

Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.

- (iii) Pada pandangan anda, mengapakah sifat di atas perlu ada dalam diri seorang pelajar? [4 markah]

(c) Senaraikan dua bahagian qalqalah. [2 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 2 (a) Ar-Raqib merupakan antara nama Allah SWT yang wajib diimani oleh setiap umat Islam.
- (i) Apakah maksud ar-Raqib? [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** bukti Allah SWT bersifat ar-Raqib. [4 markah]
- Sistem penguatkuasaan yang berkesan mampu mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.
- (iii) Berdasarkan kenyataan di atas, kaitkannya dalam konteks keimanan terhadap ar-Raqib. [4 markah]
- (b) Setiap muslim wajib memelihara imannya daripada terpengaruh dengan ajaran sesat.
- (i) Nyatakan pengertian ajaran sesat. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** ciri kesesatan dari aspek ibadah. [2 markah]
 - (iii) Jelaskan **dua** kesan melakukan ajaran sesat. [2 markah]
 - (iv) Terangkan **dua** cara menjauhi ajaran sesat. [4 markah]
3. (a) Iddah disyariatkan dalam Islam bagi pasangan yang bercerai sama ada bercerai hidup atau pun bercerai mati.
- (i) Apakah maksud iddah? [2 markah]
 - (ii) Nyatakan tempoh iddah bagi situasi berikut :
 - a. Isteri yang bercerai mati dan belum putus haid. [1 markah]
 - b. Isteri yang bercerai hidup dan belum pernah disetubuhi. [1 markah]
 - (iii) Jelaskan **dua** larangan bagi wanita yang berada dalam iddah haji'e. [2 markah]
- (b) Ibadah haji wajib ditunaikan bagi umat Islam yang berkemampuan (istita'ah).
- (i) Nyatakan **dua** syarat wajib mengerjakan haji selain berkemampuan (istita'ah). [2 markah]
 - (ii) Nyatakan **dua** ciri berkemampuan dari aspek perbelanjaan. [2 markah]
 - (iii) Jelaskan **dua** perbezaan haji dengan umrah. [4 markah]
- (c) Pemilikan harta melalui akad yang sah merupakan antara matlamat pensyariatian muamalah Islam.
- (i) Nyatakan **dua** unsur yang diharamkan dalam muamalah Islam. [2 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Labur RM250 dapat AS\$200 juta, skim cepat kaya perdaya ramai mangsa

oleh MOHD HARIS FADLI MOHD FADZIL 31 Disember 2022 01:04pm

KUALA LUMPUR - [DIKEMAS KINI] Labur RM250 dapat pulangan AS\$200 juta, labur RM1,000 dapat AS\$3 bilion. Itu janji manis satu sindiket skim pelaburan cepat kaya mampu memperdaya ramai mangsa di seluruh negara.

Pengerusi Pertubuhan Jaringan Sahabat Malaysia (JSM), Mohd Radzi Abdul Rahman berkata, hasil siasatan pihaknya mendapati, sindiket berkenaan dipercayai beroperasi seawal tahun 2001, memperdaya sekitar 100,000 mangsa dari pelbagai latar belakang.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada <https://www.sinarharian.com.my/>
31 Disember, 2022

- (ii) Berdasarkan keratan akhbar di atas, mengapakah situasi tersebut berlaku?
Huraikan hujah anda. [4 markah]

4 (a) Abdul Malik bin Marwan telah memerintah kerajaan Umayyah selama 21 tahun.

- (i) Nyatakan **dua** sumbangan khalifah Abdul Malik bin Marwan. [2 markah]
(ii) Jelaskan **dua** faktor kemerosotan kerajaan Umayyah dari aspek akhlak. [4 markah]
(iii) Terangkan **dua** iktibar daripada pemerintahan kerajaan Umayyah. [4 markah]

(b) Profesor Ahmad bin Ibrahim merupakan salah seorang tokoh ilmuan yang terkenal.

- (i) Nyatakan riwayat hidup Profesor Ahmad bin Ibrahim. [2 markah]
(ii) Jelaskan **dua** sumbangan Profesor Ahmad bin Ibrahim dari segi perundangan. [4 markah]
(iii) Terangkan **dua** iktibar daripada ketokohan Profesor Ahmad bin Ibrahim. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

5 (a) Kecemerlangan merupakan salah satu daripada prinsip wasatiyyah.

(i) Nyatakan maksud kecemerlangan. [2 markah]

(ii) Terangkan **dua** ciri umat yang cemerlang. [4 markah]



SHAYKH SALEH ABDUL AZIZ (tiga dari kanan) turut mengikuti Peradangan Khayr Ummah 2017 (KUC) di Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA

Wasatiyyah kurangkan persepsi negatif

Oleh ZUHAYATI YAZID
www.bernama.com.my

■ KUALA LUMPUR 26 NOV.

KONSEP wasatiyyah atau kesederhanaan yang dilaksanakan negara ini mampu mengurangkan persepsi negatif terhadap orang Islam selain mampu merapatkan hubungan baik dengan kaum lain.

Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri berkata, kebatalan ini masyarakat bukan Islam sering mempunyai anggapan negatif terhadap umat Islam walaupun hanya segelintir berakap sedemikian selain media antarabangsa selalu mengembar-embarkan aktiviti keganasan dengan masyarakat Islam.

Menurutnya, melalui konsep wasatiyyah yang diterapkan di negara ini, ia boleh menerangkan kepada masyarakat bukan Islam bahawa Islam adalah agama yang mementingkan nilai-nilai murni seperti keamanan dan

mencintai semua individu tanpa sempadan agama.

"Malangnya, masyarakat Islam sering ditubuhkan dengan anggapan negatif oleh segelintir bukan Islam kerana terpengaruh dengan laporan yang tidak tepat. Atas sebab itu, masyarakat Islam perlu menonjolkan perilaku dan berakhlak sederhana agar dapat mengubah semula persepsi negatif tersebut," katanya dalam Peradangan Khayr Ummah (KUC) 2017, di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan Pegawai Hal Ehwal Agama pejabat Mufti, Muhammad Fahmi Husni.

KUC 2017 dianjurkan bersama oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Jemaah Al-Khadimah Organisation of Malaysia dan Malaysian Muslim Organisation (M.M.O) itu mengumpul kira-kira 30 ulama dari ASEAN dan negara Arab termasuk ahli akademik.

Meraka berkongsi pengetahuan dan pengalaman untuk

memberi input dalam memperkukuhkan lagi peranan dan sumbangan Islam ke arah pembangunan negara dan menyatukan ASEAN secara holistik.

Yang turut hadir, Menteri Agama Arab Saudi, Shaykh Saleh Abdul Aziz.

Sementara itu, seorang lagi panel, Penasihat Hadith dari Universiti Islam Malaysia (UIM), Kamal Jamil berkata, konsep wasatiyyah yang diamalkan di negara ini mampu menyempurnakan kehendak Islam sebenar.

"Konsep ini baik mengikut situasi tertentu dan diamalkan secara konsisten.

"Mengambil contoh isu pembaca berita bertudang, walaupun pada peringkat awal tidak sempurna cara pembacaan, namun boleh menjerus ke arah kebaikan sekali gus mampu menurus kehendak agama," katanya.

Katanya, pada peringkat awal mungkin masih belum sempurna tetapi ia lebih baik daripada tidak ada langsung.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Utusan Malaysia, 27 NOVEMBER

(iii) Huraikan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 markah]

(b) Sebagai rakyat yang bertanggungjawab, kita hendaklah sentiasa menjaga alam sekitar.

(i) Nyatakan **dua** adab menjaga alam sekitar. [2 markah]

(ii) Terangkan **dua** hikmah menjaga alam sekitar. [4 markah]

KEMPEN SAYANGI SUNGAI KITA

(iii) Huraikan cadangan anda bagi memastikan kempen di atas berjaya. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT